

17 MAY 2000

GERAKAN AKAN BANTU TANGANI PERASAAN ANTI KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Gerakan akan memainkan peranannya dalam mengatasi masalah mengenai kekecewaan dan perasaan anti kerajaan di kalangan guru, kakitangan kerajaan dan pelajar, kata naib presiden parti itu Dr S. Vijayaratnam hari ini.

Beliau memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi ikrarnya, semasa melancarkan sambutan Hari Guru semalam, untuk berjumpa mereka dan mengetahui masalah mereka.

Vijayaratnam berkata ini menunjukkan kesediaan pihak pentadbiran untuk mendengar dan menangani masalah yang telah menyebabkan ramai memilih untuk tidak mengundi Barisan Nasional semasa pilihan raya umum lepas.

"Tiada kerajaan yang sempurna dan apa yang benar-benar perlu ialah sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, ia mengiktiraf dan mengambil tahu faktor-faktor seumpama itu dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengatasi situasi itu," katanya dalam satu kenyataan.

Vijayaratnam juga berkata pertimbangan serius perlu diberikan untuk menjelaskan dasar kerajaan kepada belia.

"Ini patut dilakukan secara terbuka dan secara tidak konfrontasi, dalam suasana aman dan persaudaraan, agar kedua-dua pihak berupaya menerima dan memahami satu sama lain," katanya.

-- BERNAMA
HS ZKS RHM